



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ESTETIKA DALAM LIRIK LAGU-LAGU
NYANYIAN P. RAMLEE**

ARBA'IE BIN SUJUD

FBMK 1999 6

**ESTETIKA DALAM LIRIK LAGU-LAGU
NYANYIAN P.RAMLEE**

ARBA'IE BIN SUJUD

**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1999



**ESTETIKA DALAM LIRIK LAGU-LAGU
NYANYIAN P.RAMLEE**

Oleh

ARBA'IE BIN SUJUD

**Penulisan tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat untuk memperolehi Ijazah Master Sastera
di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.**

April 1999



DEDIKASI:

Ibu dan Ayah yang lebih mengerti tentang diriku, moga kau merestui 'pilihanku' dalam hidup.

AS Asiah Abdul Rahman sumber dan penguat semangat rela berkorban dan kini sedang meniti gelombang ilmu di menara gading sebagai penerus perjuangan dalam dunia pendidikan.

Anis 'Yayang' ketabahan dan keprihatinan dalam melakar gelombang hidup bakal kau rasai. Tawa dan kenakalanmu sumber ketenangan abah. Kau akan mengerti nanti jerih payah ini.

Una Petah dan girang suaramu pemukau segala. Tabahmu mengurus diri menampung doa khudus suci milik kita. Kau juga akan mengerti mengapa abah mencari ini.

Kakak-kakak, abang-abang, dan adik-adikku, serta rakan-rakan, perjuangan kita masih belum tamat.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyeliaan tesis, terima kasih atas segala sokongan, bantuan, nasihat dan tunjuk ajar. Juga untuk semua pihak yang sentiasa memberikan dorongan. Allah jua yang mampu membalasnya.

Unitele dan JNS sesungguhnya telah menjadikan aku lebih prihatin dalam mengenal erti hidup dan kehidupan.

PENGHARGAAN

Segala Pujian ke-Hadrat Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.
Selawat dan Salam Kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad S.A.W

Penulis memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, penulisan tesis ini dapat disempurnakan. Dalam usaha menyiapkan penulisan tesis ini, penulis telah mendapat pelbagai bantuan dan sokongan dari pensyarah, sahabat dan rakan seperjuangan yang lain terutama dalam mencetuskan idea dan sokongan yang tidak berbelah bagi.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis iaitu Encik Kamaruzzaman bin Abdul Kadir, Dr. Ramli @ Sha'ari bin Isin dan Tuan Haji Taha bin Abdul Kadir yang sentiasa memberikan kerjasama dan nasihat yang sangat berguna.

Ucapan terima kasih juga khas buat Encik Kasim bin Ismail, Encik Kamaruddin bin Haji Husin, Puan Samsina Abdul Rahman, Encik Ahmad Rizal Selamat serta terima kasih juga ditujukan khas kepada pihak Arkid Negara serta individu tertentu iaitu Dato' Zakiah Hanum, Dato Abdullah bin Hussain, Dato Jins Shamsuddin, Tuan Haji Aziz Sattar, Encik Mahmud June, Encik Ramli Kechik dan semua pihak yang memberikan pelbagai sumbangan serta buah fikiran bagi menyiapkan penulisan tesis ini.

Akhirnya, penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri tercinta Puan Asiah bt. Abdul Rahman yang sudi membaca draf asal skrip dan menyemak semula serta anak-anak Nurul Hannis dan Nurul Husna atas pengorbanan, kesabaran serta kasih sayang yang tiada penghujungnya. Terima kasih juga untuk ibu tersayang, seluruh keluarga dan rakan-rakan FOSEE Unitele.

ARBA'IE SUJUD

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
 BAB	
I : PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Latar belakang P.Ramlee	8
Pernyataan Masalah	14
Kepentingan Kajian	16
Objektif Kajian	17
Batasan Kajian	18
 II : SOROTAN LITERATUR	 20
Pengenalan	20
Konsep Estetika	20
Keutuhan dan Kesempurnaan	25
Keselarasan dan Keseimbangan	26
Kejelasan	31
Rumusan	33

III	:	METODOLOGI KAJIAN	37
		Pengenalan	37
		Rekabentuk Kajian	37
		Pemilihan Bahan Kajian	39
		Analisis Data	40
		Pendekatan Kajian	40
		Pendekatan Estetika	40
		Aplikasi Penggabungjalinan Pendekatan	43
IV	:	ANALISIS BAHAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN..	46
		Pengenalan	46
		Aspek Keutuhan dan Kesempurnaan	47
		Bentuk	47
		Bahasa	50
		Aspek Keselarasan dan Keseimbangan	62
		Rima Bunyi	62
		Pemilihan Kata	70
		Keragaman Aspek Bahasa	79
		Aspek Pengulangan	80
		Fungsi Pengulangan	81
		Aspek Penyimpangan	87
		Unsur Bahasa Beragam	93
		Aspek Kejelasan	97
		Aspek Tersurat	98
		Aspek Tersirat	103

V	:	KESIMPULAN	127
BIBLIOGRAFI			139
LAMPIRAN			146
BIOGRAFI DIRI			169



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Pengkategorian Lagu Berdasarkan Tema ...	18

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Konsep	34
2	Perkaitan Aplikasi Teori Kajian	44

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sastera.

ESTETIKA DALAM LIRIK LAGU-LAGU NYANYIAN P. RAMLEE

Oleh

ARBA'IE BIN SUJUD

April 1999

Pengerusi: Encik Kamaruzzaman Abdul Kadir

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Estetika merupakan kemuncak ketinggian nilai sesebuah karya kreatif. Nilai tara yang ditetapkan itu bukan sekadar pada ungkapan yang tersurat tetapi merangkumi aspek tersirat. Lantaran itu setiap unsur yang membina estetika saling mempertaut dan memperjelas bagi membentuk kesempurnaan. Oleh yang demikian, kajian ke atas lirik lagu-lagu nyanyian seniman lagenda P.Ramlee, dilakukan untuk memperlihatkan unsur-unsur tersebut. Hal ini kerana, bidang nyanyian merupakan salah satu bidang yang berjaya dikuasai oleh beliau. Tambahan pula, lagu-lagu nyanyiannya masih dapat menambat hati pencinta seni lagu dan mampu bertahan sehingga kini.

Bagi menjelaskan unsur estetika dalam lirik lagu-lagu tersebut, tiga ciri keindahan disentuh iaitu merangkumi keutuhan dan kesempurnaan,



keselarasan dan keseimbangan serta aspek kejelasan. Dalam hal ini, aspek bahasa yang merupakan medium pengantara dikaji secara khusus. Namun, pembicaraan terhadap aspek bahasa ini tidak dilakukan secara terpisah sebaliknya mengaitkannya dengan makna yang disampaikan. Pemilihan kata yang teliti berhasil menemukan aspek keutuhan dan kesempurnaan. Penggabungjalinan unsur `tradisi' dan `moden' dalam fenomena `dunia berjodoh', membentuk aspek kesempurnaan yang menjadi sebahagian daripada ciri-ciri estetika.

Selain itu, akan ditemui kata-kata yang beranekaragam, pengulangan bahasa, penyimpangan bahasa yang mengungkapkan makna tertentu. Oleh yang demikian, dapat dikesani daripada kajian ini, setiap kata yang dipilih berfungsi dan dapat dipertanggungjawabkan dalam menyampaikan maksud tertentu. Unsur kejelasan dipaparkan menerusi pemilihan kata terpilih yang menggambarkan unsur tersurat atau tersirat. Dalam hubungan ini, akan wujud kata-kata tertentu yang biasa tetapi dimanipulasikan dengan baik dan berkesan sehingga mengungkapkan makna yang mendalam. Selain itu, dalam kajian yang dilakukan turut meneliti persoalan yang paling dominan dipaparkan dalam lirik lagu-lagu yang dikaji. Usaha ini diharapkan dapat memperkaya koleksi warisan P.Ramlee dalam memartabatkannya sebagai seniman lagenda khusus dalam bidang nyanyian.

Abstract of thesis presented to Faculty of Modern Language and Communication in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts.

AESTHETICS IN P.RAMLEE'S SONG LYRICS

By

ARBA'IE BIN SUJUD

April 1999

Chairman: Mr. Kamaruzzaman Abdul Kadir

Faculty : Modern Languages and Communication.

Aesthetics is the highest aspect observed in creative arts. The quality of a literally piece is determined on both their literal meanings and the underlying messages. One's piece should be rich with these elements to be highly valued and recognized. And in order to reach the level of maturity and perfection, these two elements should compliment each other. The purpose of this study is to show the existence of these elements in P. Ramlee's songs - one of Malaysia's greatest legendary. This is so evidence in his songs as they are highly respected and valued by many until today.

There are three important characteristics to be closely observed in order to understand the aesthetics value in the lyric of a song. They are completeness and genuinely, balance and correlation, and clarity. In this



case, language as medium of instruction is really scrutinized. However, the language aspect should not be discussed separately but rather as a whole. The choice and selection of words should also reflect the aesthetics element of completeness and genuinely. This is to ensure that the meaning is clearly conveyed. The integration of the traditional and modern elements in “the world of pairs” should also entail the aspect of completeness.

In relation, the language diversity will also be given an equal emphasis. In this study, the language diversity will highly discussed. Each selected word is responsible to convey certain meaning. The element of clarity is clearly shown by which the selected words are to illustrate or further enhance both the lateral and literal elements. Of such, certain words could transpired and formed to be very significance. Other than that, this study intends to analyze and identify the dominance messages of the lyrics. It is hoped that this effort will enrich Tan Sri P. Ramlee’s musical heritage and in bestowing him as a legend in the music industry.

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Dalam kehidupan seharian, masyarakat sering meletakkan lagu sebagai salah satu daripada cabang kesenian dan medium hiburan yang sangat digemari. Dalam hubungan ini, kekuatan dan keutuhan sesebuah lagu sering dikaitkan dengan beberapa unsur yang menyokongnya. Selain irama atau melodi yang mengasyikkan, lirik yang baik dan berkesan turut menyumbang ke arah kemantapan dan nilai penerimaan masyarakat pendengarnya. Lirik berfungsi menerangkan kisah atau pemikiran dalam sesebuah lagu serta mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat (Zurinah Hassan; 1982 : 23).

Lantaran itu, sesebuah lirik yang didengar berulang-ulang boleh mempengaruhi jiwa dan menimbulkan kepelbagaian situasi seperti ketenangan atau sebaliknya menimbulkan kegelisahan kepada seseorang pendengar. Keadaan ini bergantung kepada sejauh mana unsur-unsur yang terdapat dalam lagu berjaya menguasai penerimaan peminat atau pendengar. Dalam hal ini, pemilihan kata yang menggambarkan kehalusan makna dapat meningkatkan nilai keindahan sesebuah lirik lagu.

Hal ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim (1998:2) sewaktu memperkatakan 'Nilai Estetika dan Bahasa Dalam Lagu-lagu Irama Malaysia' pada Seminar Kefahaman Budaya bertempat di Panggung Negara, Kuala Lumpur. Beliau berpendapat bahawa salah satu saluran keindahan lagu ialah seni kata atau liriknya iaitu bahasa. Bahasa ialah alat untuk menyampaikan buah fikiran dan perasaan, melalui susunan perkataan dan ayat.

Oleh itu, penghasilan sesebuah lirik dikaitkan dengan beberapa unsur dan gubahan bahasa yang digunakan. Kenyataan tersebut sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Paul Valery (1972 : 63), antara lain menurutnya bagi menghasilkan satu gubahan yang cantik dan berseni tentu sekali kepelbagaian unsur digunakan. Dalam hal ini, salah satu daripada unsur yang dimaksudkan ialah unsur bahasa. Kata-kata yang terpilih digubah untuk maksud yang diingini. Ketelitian pemilihan kata ini menimbulkan kesan kepada pendengar menerusi penafsiran makna yang berbagai-bagai.

Kepelbagaian penafsiran ini dikaitkan dengan pendapat Croce, B. (1972 : 48) yang mengatakan bahawa setiap kata dapat menggambarkan seribu makna, dan kata itu pula membawa pengertian tertentu. Jelasnya dalam menggambarkan sesuatu pemikiran yang disampaikan setiap kata itu

diberikan peranan dan dipertanggungjawabkan secara mutlak. Oleh hal yang demikian, pemilihan kata tidak dilakukan secara sewenang-wenang.

Selain daripada itu, lirik sesebuah lagu yang berjaya dapat membangkitkan kesan perasaan kepada pendengar. Hal ini turut menjadi penyumbang kepada popularnya sesebuah lagu dan membolehkannya bertahan agak lama. Hakikat ini dijelaskan oleh Meyer (1967 : 59) yang mengatakan bahawa rahsia kekekalan sesebuah lagu terletak juga pada keharmonian gubahan kata bermakna yang dapat menimbulkan kesenangan. Dalam hubungan ini, kesenangan yang dimaksudkan ialah sesuatu yang menyentuh perasaan sama ada gembira, lucu, sedih, sayu, atau apa-apa juga gambaran perasaan yang dapat dilahirkan.

Bagi menimbulkan suasana tersebut, kata memainkan fungsi penting dalam menggarap persoalan dan juga menjadi pemangkin untuk pendengar menghayati sesebuah lagu itu. Ini seperti yang dinyatakan oleh Cooke (1957 : 79) bahawa keindahan kata dalam lagu umpama kunci yang membuka ruang untuk menghayati makna-makna secara lebih berkesan. Jelasnya, keindahan sesuatu karya seni terletak juga kepada cara seniman mempersembahkannya kepada khalayak. Tindak balas khalayak sama ada dengan berfikir, menghayati dan membuat penilaian dari aspek kepuasan rohani menjurus kepada penilaian estetika sesebuah hasil seni.

Dalam hal ini , sesebuah lirik lagu yang baik dapat membangkitkan dan membina pemikiran masyarakat melalui pendedayagunaan bahasa dengan pemilihan kata yang baik, ringkas, tepat di samping terungkapnya unsur-unsur tersurat dan tersirat. Selain daripada itu, unsur-unsur yang berkaitan dengan persekitaran dimanipulasikan untuk diseimbangkan dengan pengalaman dan latar kehidupan yang sebenar. Hal yang sedemikian akan memberi lebih kesan dan daya pengungkapan yang lebih realistik. Dalam pada itu, terungkap juga unsur simbolik dan sindiran dalam sesebuah lirik lagu Melayu.

Hal ini dikaitkan dengan sikap dan latar masyarakat Melayu yang sensitif dan sentiasa menjaga adab sopan dan kehalusan tata susila. Ini seperti yang dijelaskan oleh Wan Abdul Kadir Yusof (1988 : 104) bahawa lirik lagu-lagu Melayu penuh dengan sindiran dan mempunyai pengertian yang simbolik. Keindahan alam semesta seperti keindahan laut, bukit, bulan, bintang, matahari turut ada dalam lirik lagu-lagu Melayu terutamanya dalam lagu keroncong. Unsur pantun dan syair umpamanya boleh dimanfaatkan sewajarnya oleh pencipta lirik lagu bagi menghasilkan sesebuah lagu yang tinggi nilai estetikanya.

Lantaran itu, apabila membicarakan sesuatu hasil seni aspek estetika tidak wajar diketepikan. Estetika merupakan unsur penting sesebuah karya yang dapat mencerminkan dan mengungkapkan keindahan dalaman dan luaran.

Unsur ini dapat memberi gambaran mengenai fikiran, tanggapan dan perasaan sesuatu benda atau perkara. Keindahan fikiran, perasaan dan tindakan ini biasanya tidak terdedah dengan penglihatan tetapi terbuka untuk mencerna minda dan menimbulkan kesedaran terhadap pembaca tentang imej manusia yang hakiki.

Berkaitan dengan itu, senikata lagu sebagai tulisan kreatif imaginatif memerlukan penggunaan gaya bahasa yang mengandungi nilai-nilai estetika yang tinggi agar dapat menimbulkan kepuasan kepada pendengarnya. Oleh yang demikian, penulisan lirik lagu bergantung kepada keupayaan daya kreatif penulisnya serta penyusunan bahasa yang amat tinggi. Sementara itu, dalam konteks lagu-lagu dalam filem atau drama ia disesuaikan dengan suasana dan situasi lagu tersebut dinyanyikan. Lantaran itu, liriknya ada kelainan daripada lagu di luar filem atau drama. Gaya bahasa dalam sesebuah lagu penting kerana aspek ini dapat menonjolkan identiti seseorang penulis lirik.

Lirik juga terbina daripada gubahan bahasa yang mengungkap pelbagai makna dan berfungsi untuk menerangkan kisah atau pemikiran yang dibawakan dalam sesebuah lagu. Lagu yang merdu lazimnya mengandungi susunan muzik yang kreatif di samping lirik yang bernilai estetika. Unsur-unsur ini menyumbang terhadap popularnya sesebuah lagu. Alangkah ruginya jika lagu yang merdu melodinya tetapi liriknya lemah dan kabur;

hubungan antara makna dan perkataan longgar, urutan ideanya tersangkut-sangkut dan ketiadaan kesatuan makna. Oleh itu peranan lirik atau senikata tidak harus dipinggirkan atau dipandang ringan khususnya bagi penulis lirik sendiri.

Memandangkan lagu sebagai salah satu cabang kesenian yang dapat membina pemikiran masyarakat terutama melalui mesej yang disampaikan, maka penghasilan sesebuah lirik haruslah jujur, natural, merangsang fikiran dan perasaan serta dapat menyatakan sesuatu kebenaran yang mendalam hasil daripada penelitian pelbagai aspek kehidupan. Semua elemen ini akan menjadikan sesuatu hasil ciptaan itu meresap dan dijiwai oleh pendengar. Pendengar bukan sahaja dapat berhibur malahan secara tidak langsung diajak berfikir tentang persoalan diri, masyarakat dan persekitaran sejangat.

Namun begitu, akan wujud rasa kecewa di kalangan pencinta seni lagu apabila aspek senikata atau lirik diketepikan. Zurinah Hassan (1982: 32) menjelaskan banyak lagu popular menjadi kosong kerana penulisan lirik tidak diberikan perhatian walaupun aspek tersebut membawa kepelbagaian fungsi. Antaranya mencerminkan status pemikiran, merakamkan peristiwa semasa dan merupakan gambaran kehidupan sesebuah masyarakat. Jelasnya penulis lirik juga boleh memperkatakan sesuatu tentang masyarakat dalam pelbagai senario yang ada di sekitarnya.

Namun, hal tersebut tidak menepati seperti yang dirancang apabila terdapatnya pengusaha lagu yang lebih mementingkan soal keuntungan semata-mata tanpa memikirkan kualiti dan mesej yang disampaikan. Kesan daripada sikap kurang prihatin ini menyebabkan keindahan bahasa dalam lirik lagu sering terabai. Bagi pihak pendengar pula, ada kecenderungan mereka menikmati lagu hanya berasaskan muzik dalam sesebuah lagu itu. Mereka kurang berminat untuk menghayati liriknya secara mendalam (Wan Abdul Kadir Yusof ; 1988 : 119).

Menyentuh hal ini, perkembangan lagu di Malaysia telah mengalami beberapa period tertentu. Period ini dikaitkan dengan waktu dan peredaran zaman. Bermula dari sini akan ditemui penyanyi angkatan 50-an, 60-an, 70-an, 80-an dan akhirnya era 90-an. Selain itu terdapat juga unsur 'pertindanan', iaitu dengan wujudnya zaman yang dikenali sebagai zaman ago go, pop yeh yeh, dan zaman pop rock. Fenomena ini sangat berkait rapat dengan perkembangan muzik yang lahir pada sesuatu zaman.

Dalam hal ini, walaupun lagu-lagu masa kini mendapat tempat di hati peminat, namun tidak banyak lagu yang dapat kekal dan bertahan lebih lama. Hal ini berbeza dengan lagu-lagu nyanyian P.Ramlee yang sehingga hari ini terus mendapat tempat di pelbagai media eletronik malah dalam persembahan yang bersifat kebangsaan atau kebudayaan di samping menjadi tiruan (reduplikasi) oleh beberapa penyanyi muda.

Latar belakang P. Ramlee

P.Ramlee merupakan seniman legenda, seniman terbilang sepanjang zaman yang sehingga hari ini sukar ditemui penggantinya. Kegemilangan dan sumbangan besar beliau dalam bidang seni membuatkan namanya begitu sinonim dengan perkembangan dunia seni tanah air. Beliau dikenali oleh kebanyakan rakyat Malaysia dan keturunan Melayu di Nusantara walaupun ada di antaranya seumur hidup mereka tidak sempat menemui seniman agung itu.

Nama sebenar P.Ramlee ialah Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh dan dilahirkan pada 22 Mac 1929 di Jalan Rawang (Counter Hall), Pulau Pinang. Sewaktu zaman persekolahannya, beliau mendapat pendidikan Melayu, Arab, Inggeris dan Jepun tetapi lebih cenderung dalam bidang muzik. Ini terbukti pada usia tiga belas tahun, beliau sudah mula mempelajari muzik. Alat muzik yang pertama dipelajarinya ialah biola. Sementara itu, kumpulan muzik yang menjadi pentas awal penglibatan beliau dalam dunia seni khususnya nyanyian ialah pancaragam 'Bintang Sore' dan 'Teruna Sekampung'.

Sewaktu zaman remajanya, beliau merupakan bilal di masjid dan pada masa lapangnya pula lebih banyak menghabiskan masa dalam muzik serta nyanyian. Kemerduan suara yang dapat menarik dan mempengaruhi

masyarakat umum telah mula diperlihatkan dalam aktiviti remajanya. Bermula dengan aktiviti masa lapang, akhirnya bakat seni yang sedia ada mula diserlahkan. Penampilan beliau di Pesta Pertanian Ria, Bukit Mertajam dengan mendendangkan lagu "Azizah" merupakan titik tolak penglibatan dalam bidang seni yang melodi lagu tersebut merupakan ciptaan pertamanya. Detik itu merupakan titik tolak beliau menerokai persada dunia seni tanah air. Ini kerana ekoran daripada perkembangan itu, pengarah B. S. Rajhans mempelawa beliau menjadi penyanyi latar dalam filem. Akhirnya pada bulan Ogos 1948 beliau berhijrah ke Singapura untuk memperkembangkan bakat seninya. Keupayaan dan bakat seni semuajadi ini membolehkan beliau menguasai pelbagai bidang seni dengan jayanya.

Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang seni, beliau dikenali sebagai seorang pelakon, pengarah, penulis skrip, penulis lirik, penyanyi, pelawak, komposer muzik dan penyunting. Wan Hashim Wan Teh dalam ucap tama di Majlis 'Pelancaran Minggu P.Ramlee' pada 23 Mei 1998 di Arkib Negara, antara lain menjelaskan bahawa P.Ramlee sebagai pencungkil atau pemupuk bakat. Hal ini terbukti dengan setiap karya seni khususnya filem ada sahaja pelakon-pelakon baru ditampilkan dan berjaya membawa watak dengan baik. Tidak ramai manusia yang memiliki bakat dan kebolehan luar biasa seperti beliau.

Walaupun seniman agong ini telah lama kembali ke rahmatullah, namun beliau sebenarnya tidak pernah hilang dalam ingatan pencinta seni. Dalam bidang nyanyian misalnya, setiap lagu-lagunya terus menjadi siulan dan sebutan ramai. Sementara itu, dalam dunia perfileman pula, filem-filem lakonannya terus mendapat tempat di hati peminat. Tidak kira bangsa, semua pasti terhibur dengan telatah yang dipertontonkan. Kebolehan melakonkan pelbagai aksi dan watak dalam pelbagai suasana suka, duka, gembira, sedih, serius menjadi penawar kepada peminatnya. Bahkan di kalangan generasi mudapun turut mengenali P.Ramlee menerusi legenda yang diceritakan. Namanya terus meniti di bibir semua lapisan masyarakat tidak kira sama ada tua, muda atau kanak-kanak.

Sementara itu, Johan Jaafar (1995) berpendapat bahawa P.Ramlee merupakan seniman yang unik kerana pendirian dan sikapnya. Pendapat tersebut dipersetujui oleh Aziz Sattar yang merupakan salah seorang sahabat baik P.Ramlee sewaktu hayatnya. Dalam hal ini, Aziz Sattar sewaktu menceritakan tentang P.Ramlee dalam 'Majlis Sembang-sembang mengenai Lirik-lirik lagu P.Ramlee' di Universiti Malaya pada 26 Mei 1998, menjelaskan P.Ramlee sanggup membantu dan menolong orang sedaya mungkin walaupun pada waktu yang sama beliau sendiri dalam kesempitan atau pertolongan tersebut di luar batas kemampuannya.